

KESATUAN RAYU PM CAMPUR

IPOH, Jumaat — Kesatuan Pekerja-pekerja Hidro Perak, hari ini merayu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan timbalannya supaya campur tangan menyelesaikan 'krisis' yang dihadapi oleh pekerja-pekerja Syarikat Kuasa Hidro-Elektirk Perak mengenal gabungannya dengan LLN pada 1 Oktober.

Kedua pemimpin negara itu diminta melaksanakan 'keadilan' kepada 1,800 pekerja di situ dan anak syarikat-

nya. Syarikat Pengedaran Elektirk Kinta, yang menghadapi berbagai keganjilan berhubung tawaran pekerjaan LLN.

Kesatuan itu juga memberi tarikh akhir 30 Jun ini kepada Jawatankuasa Pengambil Alih yang dilantik oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah yang timbul itu.

Jika jawatankuasa itu gagal, 'krisis' itu akan dikemukakan ke mahkamah.